



Rabu, 4 November 2015

1. Skim pencecaraan kerajaan masih komprehensif, tidak perlu dikaji - Azalina

KUALA LUMPUR: Skim pencecaraan pesara kerajaan, termasuk pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada masa kini dilihat komprehensif dan seimbang, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata kerajaan tiada perancangan untuk menyemak semula skim itu, namun menegaskan ia tetap akan diberi perhatian jika memerlukan.

"Skim pencecaraan ini dilihat seimbang kerana seorang pesara akan menerima pencecaraan bulanan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gaji akhir; ganjaran dan ganti cuti rehat berbentuk kewangan serta kemudahan perubatan seumur hidup untuk pesara, pasangan dan anak yang layak.

"Di samping itu, kerajaan berpendapat kenaikan kadar pencecaraan dua peratus setiap awal tahun adalah munasabah dan mencukupi untuk membantu pesara menangani peningkatan kos sara hidup," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 sewaktu persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Azalina yang juga Ahli Parlimen Pengerang, turut memaklumkan Dewan Rakyat bahawa kerajaan sentiasa bersedia untuk mengkaji sebarang cadangan bagi meningkatkan kualiti hidup pesara dan pelaksanaannya turut bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Menyentuh mengenai situasi penjawat awam terjerat dengan pinjaman peribadi sehingga mengalami masalah kewangan yang teruk, Azalina berkata kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi membendung masalah itu termasuk inisiatif yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Bajet 2016 baru-baru ini.

"Pada pembentangan bajet, kerajaan bersetuju menaikkan gaji permulaan terendah Perkhidmatan Awam kepada RM1,200 sebulan dan memberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred, berkuat kuasa 1 Julai 2016.

"Di samping itu, mulai 1 November tahun ini, kerajaan bersetuju untuk menaikkan kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) termasuk kepada kumpulan pelaksana pada kadar minimum RM300 bulan," katanya.

Selain itu, Azalina berkata kerajaan turut membenarkan penjawat awam daripada kumpulan sokongan untuk melakukan pekerjaan luar dengan mematuhi Peraturan 5(3), Peraturan-peraturan Pegawai

Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, dan mendapat kebenaran bertulis daripada ketua jabatan masing-masing.

Menyentuh mengenai peningkatan peruntukan pembangunan JPM daripada RM13 bilion (2015) ke RM14 bilion (2016), Azalina berkata peningkatan itu adalah ekoran pertambahan perbelanjaan pembangunan.

Selain itu, Azalina berkata peningkatan peruntukan turut disebabkan pertambahan jumlah agensi di bawah JPM seperti Jabatan Pertahanan Awam dan Agensi Pengurusan Bencana, termasuk pengambilalihan Projek Lebuhraya Pan Borneo daripada Kementerian Kerja Raya.

Beliau berkata, di bawah JPM terdapat 92 jabatan dan agensi secara keseluruhan dengan 57 adalah jabatan, 10 badan berkanun persekutuan, 13 syarikat, lima agensi pembangunan koridor, lima yayasan dan dua pertubuhan antarabangsa.

Azalina juga menafikan kerajaan membelanjakan RM40 juta bagi penggunaan dan penyelenggaraan pesawat rasmi kerajaan, seperti yang dibangkitkan Mohd Rafizi Ramli (PKR-Pandan) di Dewan Rakyat baru-baru ini.

"Untuk makluman, perbelanjaan RM40 juta adalah tidak tepat. Kos operasi dan penggunaan pesawat ACJ320 sejak Mei hingga Oktober 2015 adalah sebanyak RM10,612,439.55 yang membabitkan kos 'Monthly Firmed Fixed Price', kos 'over and above' dan 'variables' seperti kos 'ground handling/overflight/navigation'.

"Penggunaan pesawat eksekutif untuk kegunaan ketua kerajaan bukanlah sesuatu yang asing," katanya.

Rabu, 4 November 2015

2. Aset kewangan Islam cecah AS\$3.2 trilion menjelang 2020 -



THOMSON REUTERS

KUALA LUMPUR: Aset kewangan Islam global dijangka meningkat kepada AS\$3.2 trilion menjelang 2020, menurut Thomson Reuters, sumber maklumat pintar untuk perniagaan dan profesional terkemuka dunia.

Ketua Kewangan Islamnya, Mustafa Adil, berkata kewangan Islam dianggap sebagai sektor paling maju dalam pelbagai tonggak ekonomi Islam dan pertumbuhannya dalam industri global yang diukur mengikut nilai aset kewangan Islam.

"Pada 2014, aset kewangan Islam berjumlah US\$1.8 trilion, dengan perbankan Islam mewakili 74 peratus daripadanya, diikuti sukuk sebanyak 16 peratus," katanya di luar Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Ke-11 di sini, hari ini.

Beliau berkata, maklumat itu berdasarkan Perbadanan Islam bagi Pembangunan Sektor Swasta (ICD) Petunjuk Pembangunan Kewangan Islam Thomson Reuters 2015.

"Menurut unjuran Thomson Reuters, aset kewangan Islam dijangka meningkat kepada AS\$3.2 trilion menjelang 2020, dengan perbankan Islam mencecah AS\$2.6 trilion," katanya.

Memandangkan penerimaan global terhadap kewangan Islam terus meningkat, katanya lebih banyak korporat dan negara bukan Islam mengumumkan inisiatif kewangan Islam seperti kewangan beretika atau peraturan patuh syariah, serta terbitan sukuk.

Minat yang meningkat menunjukkan pelabur tertarik kepada faedah sekitar prinsip-prinsip etika kewangan Islam, hubungan kewangan kepada aset fizikal, aktiviti fiskal produktif dan pertumbuhan ekonomi sebenar.

Dalam perkembangan lain, Mustafa berkata sektor makanan halal global dan gaya hidup, yang penggunaannya berjumlah AS\$1.8 trilion pada 2014, diunjurkan meningkat kepada AS\$2.6 trilion menjelang 2020, menurut dapatan daripada 'Laporan Ekonomi Islam Global 2015/2016'.

"Sektor makanan halal, dengan penggunaan semasa sebanyak AS\$1.13 trilion, dijangka berkembang kepada AS\$1.56 trilion menjelang 2020, dengan permintaan untuk rawatan beretika haiwan sahaja menghasilkan pasaran makanan organik bernilai AS\$100 bilion," katanya.

Mustafa turut memberi pengenalan kepada Salaam, gerbang ekonomi Islam global, yang dilancarkan pada Sidang Kemuncak Ekonomi Islam Global di Dubai pada Oktober lalu.

Alamat laman webnya, <http://www.salaamgateway.com> dan 90 peratus daripada kandungannya boleh diakses secara percuma, katanya.



Khamis, 5 November 2015

3. TPPA akan beri manfaat kepada pengguna Malaysia

KUALA LUMPUR : Pengguna Malaysia akan menikmati lebih banyak pilihan barang asal berkualiti tinggi dari negara terbabit dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) pada harga yang kompetitif.

Ini kerana duti import bagi hampir 85 peratus daripadanya akan dihapuskan sebaik saja perjanjian itu dikuat kuasa.

Ia adalah antara manfaat TPPA yang boleh diteliti oleh orang awam dari teks akhir perjanjian berkenaan yang kini boleh didapati menerusi laman web Kementerian Perdagangan dan Industri: www.miti.gov.my.

Teks berkenaan yang dikeluarkan hari ini oleh negara-negara terbabit dalam TPPA akan melalui semakan undang-undang sebelum ditandatangani.

Rundingan mengenai perjanjian itu dimuktamadkan pada 5 Oktober, 2015 di Atlanta, Georgia, Amerika Syarikat (AS) oleh negara berkenaan iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, Malaysia, New Zealand, Peru, Singapura, AS, dan Vietnam.

Bagi Malaysia, ia akan dibentangkan di Parlimen pada Januari atau Februari tahun depan.

Fakta terkini mengenai TPPA boleh didapati di laman web itu merumuskan bagaimana perjanjian tersebut akan memberi manfaat kepada Malaysia dari segi akses pasaran selain menggalakkan amalan kawal selia yang baik dan ketelusan.

Antara lain, pengeksport Malaysia akan memperoleh kelebihan yang kompetitif ke atas pesaing serantau dalam pengeksportan barang seperti elektrik dan elektronik, kimia, minyak sawit, kayu dan tekstil, serta komponen dan alat ganti automotif.

TPPA akan mewujudkan akses utama untuk barang dan perkhidmatan dari Malaysia ke dalam empat pasaran Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) 'baharu', iaitu AS, Kanada, Mexico dan Peru.

Bagi pasaran itu, eksport dijangka akan meningkat sebaik saja TPPA mula dikuat kuasa memandangkan duti import bagi hampir 90 peratus daripada barang tersebut akan dihapuskan di AS, Kanada (95 peratus), Mexico (77 peratus) dan Peru (hampir 81 peratus).

Sementara itu, peraturan tempasal yang membenarkan pengumpulan input dari semua negara terbabit TPPA akan menjadikan barang Malaysia lebih mudah untuk layak bagi duti keutamaan.

Ia juga menawarkan peluang lebih besar kepada pengeluar komponen dan alat ganti Malaysia untuk membekal kepada rantaian nilai negara berkenaan.

Kandungan nilai negara berkenaan mengikut peraturan tempasal bagi kenderaan, alat ganti dan komponen dalam automotif akan menggalakkan pembuat auto, pada ketika ini mendapat sumber komponen dan alat ganti dari luar negara TPPA, mendapatkan sumber mereka dari Malaysia.

Dalam menangani keimbangan Malaysia, rundingan itu menyaksikan keperluan untuk hasil yang seimbang bagi semua pihak dan berkompromi dalam beberapa perkara.

Bagi Malaysia, mandat berkenaan adalah berdasarkan Perlembagaan, melindungi hak negara dan dasar utama pembangunan sosio-ekonomi, termasuk agenda Bumiputera.

Dalam perkara yang menjadi sensitiviti, Malaysia berunding dalam jangka tempoh yang lebih panjang untuk melaksanakan kewajipan, terutama bagi perolehan kerajaan, perusahaan milik negara dan hak milik intelektual.

Bahagian tertentu atau langkah-langkah sensitif bagi Malaysia daripada kewajipan perkhidmatan dan pelaburan adalah dikecualikan, termasuk tanah, penswastaan dan penjualan serta keutamaan Bumiputera.

Sabtu, 14 November 2015

4. TPPA: Antara hak paten dan kos ubat

DENGAN izin Kunta Kinte nak bincang sikit berkenaan perubatan dan kesan yang mungkin berlaku ke atas penjagaan kesihatan di negara kita akibat Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik atau Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA).

TPPA yang babitkan 12 negara, termasuk negara kita, telah dipersetujui di Atlanta, Amerika Syarikat pada 5 Oktober lalu setelah berunding lima setengah tahun.

Negara lain yang jadi anggota adalah Amerika Syarikat, Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Singapura, Mexico, New Zealand, Peru dan Vietnam. China yang kedua terbesar di dunia di segi ekonomi tak ambil bahagian. Sebelum dikuatkuasakan, semua negara anggota kena sahkan dulu perjanjian itu. Dalam bahasa Inggeris, proses ini dipanggil 'ratification'.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed janji TPPA tak rugikan negara dan kerajaan pula janji akan bentang dan dibahaskan perjanjian itu di Parlimen awal tahun depan. Kunta Kinte kata, Ahli Parlimen kita wajib faham dan bincang dengan teliti, pasal kesannya kepada ekonomi dan kedaulatan kita sangat luas. Silap-silap kita dijajah sekali lagi oleh kuasa asing melalui ekonomi, sains dan teknologi.

Tumpu isu ubat

Ada beberapa hal dalam perjanjian itu yang banyak pihak, khususnya di negara membangun, sangat khuatir. Antaranya ialah perubatan. Boleh jadi ramai orang tak tahu iaitu banyak jenis ubat yang kita guna sekarang, khususnya dalam kalangan orang miskin, adalah ubat-ubatan generik - daripada bahasa Inggeris 'generic'.

Ubat-ubatan generik adalah ubat yang dikeluarkan oleh syarikat pembuat ubat yang bukan pengeluar asal. Selalunya ubat-ubatan generik adalah ubat yang tempoh hak cipta atau patennya sudah tamat. Dalam undang-undang hak cipta dan paten, mana-mana penemuan atau ciptaan boleh didaftar atau dipatenkan. Pemilik paten terlindung daripada tiruan. Mana-mana pihak yang hendak guna paten wajib bayar royalti.

Bila tempoh kuat kuasa hak cipta dan paten habis, baru pihak-pihak lain boleh keluarkan ubat yang sama tapi dengan nama lain. Kalau nak guna nama asal, kena beli paten. Itu pun kalau pemilik paten mahu jual. Selalunya syarikat farmaseutikal raksasa di Barat tak mahu jual kerana mereka dah cipta ubat ganti yang lebih mahal. Jadi mereka tidak mahu ada persaingan.

Di negara maju macam Amerika Syarikat, tempoh paten yang diberi oleh pejabat paten boleh sampai 20 tahun. Jadi dalam masa 20 tahun itu tidak ada siapa boleh tiru dan keluarkan ubat yang sama.

Kandungan bahan kimia dalam ubat generik dan keberkesanannya sama dengan ubat asal tapi bentuk fizikal, kekuatan dan namanya berlainan.

Oleh sebab ubat generik ini ubat lama dan tak babitkan kos penyelidikan yang tinggi, maka harganya lebih murah daripada ubat asal. Sebab itulah banyak ubat-ubatan generik dikeluarkan di negara membangun dan digunakan oleh orang miskin.

Kunta Kinte faham pasal apa Amerika dan negara maju nak sekat ubat generik. Ada dua sebab utama. Satu mereka tak mahu negara membangun macam kita memajukan industri ubat-ubatan. Mereka mahu kita beli daripada mereka, sama ada beli ubat atau beli paten.

Perubahan industri ubat

Kedua, industri ubat-ubatan mereka sedang alami perubahan pesat akibat selera pengguna. Pengguna di negara maju makin hari makin tidak suka ubat-ubatan yang berasaskan kimia tiruan. Mereka mahu ubat-ubatan yang berasaskan bahan-bahan semula jadi macam tumbuh-tumbuhan dan organisme.

Jadi syarikat farmaseutikal Barat terpaksa jual ubat-ubatan yang diperbuat daripada kimia sintetik di negara membangun dan negara miskin yang ramai penduduk.

Satu lagi yang sama bahayanya ialah syarikat farmaseutikal Barat ini mahu rempuh masuk ke negara-negara membangun sebab mereka hendak cari dan monopoli bahan-bahan asli yang banyak dalam hutan rimba kita. Apabila mereka jumpa sejenis pokok, cendawan atau haiwan yang ada bahan kimia asli yang mujarab untuk sesuatu jenis penyakit, mereka akan daftarkan penemuan itu di pejabat paten mereka. Mulai saat itu, kegunaan perubahan pokok, cendawan atau haiwan itu adalah hak mereka.

Hatta beras basmati yang kita selalu guna buat nasi beriani itu pun sudah dipatenkan. Kita tahu yang beras basmati asal usulnya India dan Pakistan. Tapi siapa yang pegang patennya? Bukan India atau bukan Pakistan tapi sebuah syarikat di Amerika bernama RiceTex. Pada tahun 1997 ia dibagi paten Amerika No. 5,663,484 ke atas semua jenis padi dan beras daripada keturunan basmati.

Dengan paten itu, hanya syarikat ini dibagi kuasa dan diiktiraf oleh Amerika sebagai tuan punya padi dan beras basmati atau yang seakan-akan dengannya. Bukan itu saja, hanya kaedah syarikat ini menganalisis beras basmati diiktiraf oleh Kerajaan Amerika. Jadi sesiapa yang nak jual beras jenis basmati di Amerika kena minta sijil daripada syarikat ini.

Syarikat ini milik Putera Hans-Adam dari negara mikro Liechtenstein di Pergunungan Alp, Eropah. Paten itu dianggap sebagai contoh rompakan biologi (biopiracy) yang sangat-sangat tidak adil dan merugikan negara membangun. Jadi kita janganlah seronok sangat dengan TPPA ini. Wallahuaklam

5. Ekonomi ASEAN tumbuh 5.6 peratus sehingga 2019

PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak menyampaikan ucaptama pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2015, di Kuala Lumpur hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: ASEAN dijangka mencatat keluaran dalam negara kasar (KDNK) tahunan pada purata 5.6 peratus hingga 2019, susulan pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Berdasarkan cadangan pelaksanaan AEC, saya yakin kemasukan pelaburan langsung asing akan terus meningkat dengan baik pada masa akan datang," katanya dalam ucaptama pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2015, di sini hari ini.

Najib turut memuji ASEAN yang mencatat pertumbuhan ekonomi yang konsisten sepanjang dekad lalu.

"Saya yakin kita mampu mengekalkan peluasan ekonomi masing-masing, menyediakan kemakmuran dan meningkatkan taraf hidup rakyat jelata.

"Untuk itu, kita perlukan pelaburan asing selain pelaburan ASEAN," kata Perdana Menteri.

6. Dagangan ASEAN-China dijangka cecah AS\$1 trillion menjelang 2020

KUALA LUMPUR: Aktiviti perdagangan dua hala antara ASEAN dan China dijangka berpotensi mencecah AS\$1 trillion (RM4.26 trillion) dan pelaburan hingga AS\$150 bilion (RM638.77 bilion) menjelang 2020.

Ia susulan termeterainya Pindaan Protokol Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Komprehensif Kerjasama Antara ASEAN dan China oleh menteri-menteri ekonomi ASEAN dan China pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang-sidang Berkaitan di Kuala Lumpur, hari ini.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam satu kenyataan berkata, langkah menaik taraf Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-CHINA (ACFTA) itu, bertujuan memperkemas dan meningkatkan lagi kerjasama ekonomi ASEAN-China.

Ia, kata MITI, adalah sejajar dengan perubahan dalam perdagangan dan landskap ekonomi antara ASEAN dan China, termasuk pindaan kepada perjanjian membabitkan perdagangan barang, perkhidmatan, pelaburan, kerjasama ekonomi dan teknikal.

"ACFTA telah menyumbang kepada perkembangan pesat perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan China. Adalah penting bahawa skop dan kandungan ACFTA terus berkembang sejajar dengan ekonomi serantau dan global semasa serta setanding dengan perjanjian perdagangan bebas moden yang lain," kata kenyataan itu.

Protokol itu, jelas MITI, akan memperkuuh dan meningkatkan keberkesanan perjanjian sedia ada bagi merangsang dan memudahkan perdagangan barang, perkhidmatan, pelaburan dan peningkatan kerjasama ekonomi antara ASEAN dan China.

7. PETRONAS labur lebih RM300b di Sarawak

KUCHING: PETRONAS bertapak kukuh di Sarawak menerusi pelaburan kumulatif berjumlah lebih RM300 bilion dalam aktiviti dan projek huluan, pertengahan dan hiliran.

Naib Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif LNG Group of Companies, Dzafri Sham Ahmad, berkata bagi projek huluan, terdapat 60 medan pengeluaran minyak dan gas -- 26 minyak dan 34 gas -- yang menghasilkan pada purata bersamaan 850 kilo tong minyak sehari (kboe/d).

"Selain itu, terdapat 206 medan yang sudah ditemui namun belum menjana kewangan," katanya pada Malam Media Petronas 2015 di sini malam tadi.

Dzafri berkata, bagi projek pertengahan, terdapat tiga kemudahan iaitu Kompleks LNG Petronas di Bintulu; Projek Train 9 PETRONAS dan kemudahan terapung LNG.

Bagi projek hiliran, beliau berkata kini ada dua unit beroperasi di Sarawak iaitu Kilang Baja Bintulu ASEAN yang menghasilkan 0.6 juta tan urea setahun (MPTA), menjadikannya kilang urea berbutir terbesar di Asia selain pengeluaran 0.4 MTPA ammonia.

"Cabang dagangannya, Petronas Dagangan mengurus dan mengoperasikan lima terminal bahan api, empat kemudahan bunker, empat depot penerbangan, dua kilang pengisian LPG dan 81 stesen servis," katanya.

Dzafri berkata Petronas Dagangan juga mengedar bahan api kepada penduduk di kawasan pedalaman Sarawak.

Katanya, PETRONAS sebagai warga korporat yang bertanggungjawab sudah memulangkan lebih banyak manfaat kepada masyarakat berbanding syarikat minyak dan gas lain di negara ini.

"Pada masa lalu kami memilih untuk tidak menonjol, yang mungkin menyebabkan ramai yang menganggap usaha kami kepada masyarakat tidak mencukupi, terutama di Sarawak.

"Sepanjang 2010-2015 sahaja, PETRONAS dan anak syarikatnya membelanjakan lebih RM27 juta melaksanakan lebih daripada 100 projek tanggungjawab sosial (CSR) di Sarawak.

"Ini termasuk RM10 juta yang kami belanjakan untuk menjayakan Projek Biokepelbagai dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Taman Negara Similajau, dan RM5 juta lagi sumbangan untuk mentransformasikan Kem Piasau, Miri sebagai Hutan Simpan Piasau," katanya.

Selain itu, beliau berkata PETRONAS juga menyalurkan RM470 juta sejak 2015 hingga 2019 untuk CSR, pembangunan sumber manusia dan pendidikan.

"Komitmen ini adalah tambahan kepada sumbangan tanggungjawab sosial korporat sedia ada kami di negeri ini," katanya.

Pada majlis itu, Malaysia LNG Sdn Bhd, anak syarikat Petronas, turut menyampaikan sumbangan RM1.5 juta untuk Unit Kebakaran Hospital Bintulu yang bakal ditubuhkan.

"Kami menyokong projek ini kerana kami mengetahui bahawa ia akan memberi manfaat besar kepada penduduk di wilayah utara Sarawak, dan sumbangan sosio-ekonomi ini membuktikan komitmen kami

dalam memastikan Sarawak dan penduduknya terus memperoleh manfaat langsung dan tidak langsung daripada industri minyak dan gas di negeri ini," katanya. - BERNAMA



Ahad, 22 November 2015

8. ASEAN komited muktamad RCEP tahun depan - Najib

KUALA LUMPUR: Negara anggota ASEAN komited untuk memuktamadkan rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), menjelang tahun tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata setakat ini, 10 siri rundingan sudah dimuktamadkan, sebagai tambahan kepada empat pertemuan di peringkat menteri-menteri perdagangan ASEAN.

"Kemajuan ketara dengan banyak isu asas diselesaikan, termasuk resolusi model akses pasaran untuk tiga teras utama perundingan iaitu barang, perkhidmatan dan pelaburan.

"Kami memaju usaha padu yang diterajui menteri dan pegawai berkaitan dalam rundingan RCEP.

"Bagaimanapun, mempertimbangkan cabaran didepani dan nilai perhubungan konstruktif, lebih masa diperlukan untuk memuktamadkan rundingan (RCEP)," katanya ketika menyampaikan kenyataan bersama mengenai rundingan RCEP, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini pagi ini.

Sehubungan itu, Najib sebagai Pengerusi ASEAN 2015 berkata, pemimpin negara RCEP setuju membenarkan rundingan diteruskan dan minta perunding meningkatkan usaha dalam memuktamadkan dan mencapai persetujuan bersama terhadap perjanjian perdagangan yang bermanfaat serta berkualiti, menjelang 2016.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

China sebelum ini dilaporkan mahu RCEP yang merangkumi penyertaan 16 negara dimuktamadkan secepat mungkin.

Najib ketika menjelaskan perkembangan itu selepas mesyuarat dua hala dengan Presiden China, Xi Jinping sempena Sidang Kemuncak Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-23 di Manila, Filipina, 17 November lalu, berkata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang memperinci butiran RCEP.

Dilancarkan pada November 2012, rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) membabitkan 10 negara ASEAN dan enam rakan dialog iaitu China, Australia, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan India itu dijangka dimuktamadkan pada akhir tahun depan.

Pertemuan terakhir menteri-menteri perdagangan ASEAN dan rakan dialog untuk meneruskan rundingan RCEP adalah di Busan, Korea Selatan, pada Oktober lalu.

Selain mewakili hampir separuh daripada penduduk dunia, gabungan pengeluaran rantai ekonomi RCEP tahun lalu berjumlah AS\$22.7 trilion (RM97.2 trilion) yang menyumbang kira-kira 29.3 peratus daripada sektor pengeluaran global.



Ahad, 22 November 2015

9. Seleweng kontrak, 6 termasuk pegawai kanan polis ditahan



KUALA LUMPUR: Polis menahan enam individu termasuk pegawai kanan polis kerana dipercayai terbabit dalam penyelewengan kontrak ubah suai Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata enam suspek berkenaan ditahan dalam beberapa tangkapan yang dilakukan sejak kelmarin.

Beliau berkata, antara yang ditahan kerana kes penyelewengan bernilai RM1.5 juta itu adalah pegawai kanan polis, pegawai rendah, anggota polis serta kontraktor.

"Selain itu, kita juga menyita beberapa kenderaan mewah serta akuan bank milik semua suspek," katanya ketika ditemui di Masjid Bukit Aman di sini, hari ini.

Isnin, 23 November 2015

10. 268 syor dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3***KETUA Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.***

KUALA LUMPUR: Sebanyak 268 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri membuat penambahbaikan serta memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan 102 syor kepada Kerajaan Persekutuan, 32 syor kepada Badan Berkanun Persekutuan dan 134 syor kepada kerajaan negeri.

"Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan hasil dan pengurusan syarikat," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 dibentangkan di Parlimen hari ini selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Ambrin berkata, dalam Laporan Siri 3 itu, sebanyak 69 pengauditan prestasi dan 16 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat persekutuan, negeri dan Badan Berkanun Persekutuan.

Selain itu, Kementerian Kewangan turut mengeluarkan Laporan Maklum Balas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada Ketua

Perkhidmatan terhadap isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Ambrin berkata, secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara mendapat tahap prestasi pengurusan kewangan agensi bagi 2014 masih baik dengan 172 kementerian, jabatan dan agensi mendapat penarafan 'Sangat Baik' (4 bintang) berbanding 194 pada 2013 dan 143 pada 2012.

"Pencapaian ini memberi dorongan kepada Pegawai Pengawal untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan," katanya.

Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pgauditian prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek kerajaan dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek itu tercapai.

Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam dibelanjakan dengan berhemat tanpa pemborosan dan pembaziran serta mendapat nilai faedah terbaik bagi perbelanjaan yang dibuat.

Kandungan dan sinopsis laporan siri 3 itu boleh dilayari dalam laman web Jabatan Audit Negara di <http://www.audit.gov.my> mulai hari ini dan sebarang pertanyaan atau pandangan mengenai laporan itu boleh dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 dan 2 dibentangkan di Parlimen masing-masing pada 6 April dan 15 Jun lepas.



Isnin, 23 November 2015

11. Audit: Pengurusan pelaburan MUIP, LKPP kurang memuaskan



KUANTAN: Pengurusan pelaburan dua agensi kerajaan negeri, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) serta Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) dalam industri perhotelan dan resort didapati kurang memuaskan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 bagi tempoh April hingga Julai 2015 mendapati kelemahan dikesan daripada pelbagai aspek termasuk tidak menyediakan pelan perancangan strategik berkaitan perniagaan hotel serta struktur pengurusan hotel MUIP dan LKPP.

"Selain itu, prestasi jualan bilik rendah iaitu antara 18 dan 48 peratus setahun, dan prestasi kewangan menunjukkan kerugian terkumpul yang berterusan.

"Pulangan pelaburan juga rendah selain permohonan lesen bagi Darul Makmur Lodge milik MUIP masih belum selesai walaupun telah tiga tahun beroperasi," menurut laporan itu.

Sehubungan itu, laporan berkenaan mengesyorkan kedua-dua pihak melakukan transformasi agar industri perhotelan dan resort yang mereka ceburi dapat diurus dengan cekap, teratur dan mendapat pulangan setimpal.

Beberapa penambahaikan dicadangkan kepada MUIP dan LKPP termasuk menyediakan pelan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan hala tuju dalam industri perhotelan, yang boleh memberi pulangan balik kepada pelaburan dibuat.

MUIP dan LKPP juga perlu mewujudkan struktur pengurusan cekap dan mantap dengan membabitkan penyertaan daripada agensi kerajaan atau pihak yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam industri perhotelan.

"Mereka juga perlu mewujudkan pelan pemasaran dan promosi berterusan untuk meningkatkan jualan bilik seterusnya dapat meningkatkan pendapatan bagi menampung perbelanjaan yang semakin meningkat," menurut laporan itu.

Dalam aspek pengurusan harta tanah wakaf dijalankan oleh MUIP bagi tempoh April hingga Jun 2015 pula didapati berada dalam keadaan memuaskan yang meliputi perancangan pembangunan harta tanah wakaf dan kutipan sewa.

Bagaimanapun menurut laporan itu, terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki oleh MUIP bagi memastikan pengurusan harta tanah wakaf negeri itu berjalan lancar.

"Terdapat 52 permohonan atau 50.5 peratus daripada 103 pendaftaran harta tanah wakaf belum selesai dan pewartaan harta tanah wakaf belum dilaksanakan.

"Sehubungan itu, bagi memastikan pengurusan harta tanah wakaf dilaksanakan dengan teratur dan berkesan adalah disyorkan MUIP mengambil tindakan penambahaikan," menurut laporan itu.

Pihak MUIP perlu bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah untuk menyelaraskan permohonan pendaftaran tanah wakaf yang belum selesai.

MUIP juga perlu menyediakan rancangan pembangunan jangka panjang dan sumber kewangan untuk memajukan tanah wakaf yang berpotensi melalui usahasama dengan pihak swasta atau Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, menurut laporan itu.

Isnin, 23 November 2015

12. 1MDB jual aset tenaga RM9.83b kepada firma China

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menerusi anak syarikatnya Edra Global Energy Bhd memeterai Perjanjian Jual dan Beli Saham dengan China General Nuclear Power Corporation dan anak syarikatnya (CGN Group) bagi menjual 100 peratus kepentingannya dalam semua aset tenaganya yang bernilai RM9.83 bilion.

Ia membabitkan penjualan syarikat operasi Edra yang terdiri daripada Edra Solar Sdn Bhd, Edra Energy Sdn Bhd, Powertek Energy Sdn Bhd, Jimah Teknik Sdn Bhd, Jimah O&M Sdn Bhd, Mastika Lagenda Sdn Bhd dan Tiara Tanah Sdn Bhd.

Penjualan itu adalah urus niaga pengambilalihan dan penggabungan (M&A) terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar dalam sektor tenaga Asia setakat ini.

Paling penting, urus niaga itu menandakan pencapaian utama pertama dalam pelan rasionalisasi 1MDB, seperti yang dibentangkan kepada Kabinet pada 29 Mei lalu.

CGN Group akan membayar secara tunai, ekuiti bernilai RM9.83 bilion dan akan menanggung semua hutang kasar serta tunai berkaitan syarikat operasi Edra itu, berdasarkan tarikh penilaian 31 Mac 2015.

Urus niaga itu dijangka diselesaikan pada Februari 2016.

Tawaran indikatif bagi syarikat operasi Edra diterima buat kali pertama pada Jun lalu melalui proses tender yang ketat, berdaya saing dan antarabangsa oleh penasihat kewangan 1MDB, Maybank Investment Bank Bhd.

Rothschild pula bertindak sebagai penasihat kewangan kepada Edra.

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda, berkata pihaknya gembira untuk mengumumkan pencapaian penting dalam proses meraih hasil daripada Edra.

Katanya, CGN Group muncul pemenang dalam tender antarabangsa berkenaan berdasarkan beberapa objektif diumumkan oleh 1MDB sebelum ini termasuklah memaksimumkan nilai, terma komersial boleh diterima dan pelaksanaan urus niaga yang jelas.

"Pembelian oleh CGN Group membawa komitmen pelaburan langsung asing (FDI) yang besar ke Malaysia dan ini satu bentuk keyakinan jelas terhadap ekonomi Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.



Isnin, 23 November 2015

13. Bank Negara, SC puji langkah China

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menyambut baik pengumuman People's Bank of China untuk meluaskan program Pelabur Institusi Asing Layak Renminbi (RQFII) kepada Malaysia dengan memberikan kuota agregat sebanyak 50 bilion yuan (RM33.75 bilion).

BNM dan SC dalam satu kenyataan bersama hari ini berkata, ia adalah satu lagi pencapaian penting dalam usaha Malaysia memperluas kerjasama dengan China dan akan melengkapkan pengurusan bank dalam renminbi dengan lebih jelas di Malaysia.

"Inisiatif ini secara bersama akan menyokong aliran perdagangan, pelaburan dan kewangan yang semakin meningkat antara China dengan Malaysia serta meletakkan Malaysia sebagai sebuah lagi pusat renminbi luar pesisir di rantau ini," katanya.

Mengikut kenyataan itu, dengan adanya rangka kerja berkenan, institusi Malaysia yang layak akan boleh menggembung dana renminbi luar pesisir untuk mendapat pendedahan langsung kepada pasaran kewangan China dan menyumbang kepada pembangunan pasaran renminbi di Malaysia.

Sehubungan itu, SC akan terus bekerjasama dengan Suruhanjaya Peraturan Sekuriti China untuk melaksanakan program RQFII.



Isnin, 23 November 2015

14. Kontraktor gagal siap projek MSN ikut jadual

KUALA LUMPUR: Kontraktor yang bertanggungjawab menguruskan projek pembinaan dan menaik taraf beberapa Kompleks Majlis Sukan Negara (MSN) didapati gagal menyiapkan projek mengikut jadual.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 yang dibentangkan di Parlimen hari ini, pengurusan projek pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, projek menaik taraf Kompleks MSN Kuala Rompin dan Pusat Latihan Menembak Atlet di Gimnasium 3 MSN Bukit Jalil adalah kurang memuaskan.

Projek-projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan.

Semakan Audit mendapati projek pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju hanya siap pada 20 Mei, 2013 iaitu lewat selama 323 hari selepas diberi lima permohonan lanjutan masa (EOT) selama 294 hari dan telah dikenakan penalti Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM670,346.

Bagi projek menaik taraf Kompleks MSN Kuala Rompin pula, kontraktor penyelamat telah diluluskan sebanyak dua EOT selama 88 hari dan dikenakan penalti LAD sejumlah RM78,000.

Sementara, Pusat Latihan Menembak Atlet di Gimnasium 3 pula hanya siap pada 17 Sept, 2013 iaitu 178 hari selepas tarikh tamat EOT kedua dan dikenakan LAD berjumlah RM179,605.

Menurut laporan itu, bangunan Gimnasium 3 juga belum memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Certificate of Completion and Compliance (CCC) walaupun telah digunakan untuk latihan sukan mulai tahun 2008.

Laporan Ketua Audit Negara itu juga mahu MSN memantau kerja kontraktor dan perkhidmatan perunding bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

"MSN hendaklah menguatkuasakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak," menurut laporan itu.



Isnin, 23 November 2015

15. Audit: 124 sekolah di Sarawak rosak teruk

KUALA LUMPUR: Sebanyak 124 sekolah di Sarawak mengalami masalah infrastruktur yang 'rosak teruk' dan memerlukan pembaikan serta merta, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3.

Laporan itu menyatakan lawatan audit ke 145 sekolah di negeri itu mendapati 85.5 peratus daripadanya berada dalam keadaan usang, struktur kayu reput, tanah mendap, struktur konkrit rosak dan mempunyai masalah serangan anai-anai yang boleh mengancam keselamatan.

Laporan itu berpendapat infrastruktur yang rosak teruk hendaklah dibaiki dengan segera untuk memastikan kemudahan asas disediakan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memberi keselesaan dan keselamatan kepada warga sekolah.

Menurut laporan yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, rekod Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) setakat 31 Disember 2014 mendapati sebanyak 388 daripada 1,452 sekolah di negeri itu diklasifikasikan sebagai rosak teruk, 327 rosak sedikit dan 464 rosak sederhana.

Bagi tempoh 2012 hingga 31 Dis 2014, JPNS telah menerima peruntukan berjumlah RM202.52 juta untuk penyenggaraan dan pembaikan infrastruktur sekolah di negeri itu.

"Kerja-kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan namun, masih terdapat bangunan yang rosak teruk di sekolah berkenaan yang belum dibaiki disebabkan oleh peruntukan terhad," kata laporan itu.

Sementara itu, maklum balas Kementerian Pendidikan berhubung perkara itu yang diterima Jabatan Audit Negara bertarikh 13 Oktober 2015, menyatakan JPNS membuat penyenaraian mengikut keutamaan bagi sekolah yang dikategorikan sebagai rosak teruk dan mengancam keselamatan memandangkan peruntukan yang diterima setiap tahun adalah terhad berbanding keperluan.

Maklum balas itu menyatakan permohonan peruntukan dimasukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2016 yang dibawa kepada ke Kementerian Pendidikan pada Oktober 2015.

"JPNS menganggarkan keperluan peruntukan bagi kerja penyenggaraan dan pembaikan infrastruktur sekolah bagi 2015 hingga 2018 adalah berjumlah RM632.06 juta," katanya.

Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti, Jabatan Audit Negara mencadangkan beberapa syor kepada kementerian itu diambil tindakan.

Antaranya, ialah Kementerian Kewangan perlu meneliti permohonan peruntukan dan keperluan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan penyenggaraan, pembaikan infrastruktur sekolah yang rosak teruk di negeri itu serta mempertingkat pemantauan projek bagi memastikan kualiti kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Isnin, 23 November 2015

16. Audit: Projek naik taraf Pasar Chowrasta tidak memuaskan

PROJEK menaik taraf dan pengubahsuaian Pasar Chowrasta. - Foto Muhammad Mikail Ong

GEORGETOWN: Pencapaian fizikal projek menaik taraf dan pengubahsuaian Pasar Chowrasta di sini adalah tidak memuaskan dan tidak siap walaupun diberi tiga lanjutan masa, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3.

Menurut laporan itu, selain pembinaan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh asal, kerja-kerja pembinaan juga tidak mengikut spesifikasi, kurang berkualiti dan tidak sesuai.

Projek menaik taraf dan pengubahsuaian Pasar Chowrasta, yang terletak dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO, dirancang sejak tahun 2005 dan dilaksanakan pada tahun 2013. Projek secara tender terbuka bernilai RM12.19 juta itu sepatutnya mengambil masa 24 bulan dan hendaklah disiapkan pada 31 Mac lalu.

"Bagaimanapun, kontraktor gagal menyiapkan kerja pembinaan mengikut tempoh asal yang ditetapkan. Berdasarkan maklum balas Majlis (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) bertarikh 4 dan 18 September, tarikh siap projek ialah pada 10 Julai lalu.

"Majlis telah meluluskan EOT 2 dan EOT 3 dan tarikh baru siap kerja ialah pada 24 Ogos lalu," kata laporan itu.

Menurut laporan itu, projek yang belum siap itu memberi ketidakselesaan kepada peniaga dan pembeli menyebabkan orang ramai tidak dapat menikmati kemudahan yang sepatutnya diperoleh.

Bagi memastikan projek menaik taraf dan pengubahsuaian Pasar Chowrasta dilaksanakan dengan cekap dan siap mengikut jadual, Jabatan Audit Negara mengesyorkan pemantauan projek oleh perunding utama perlu ditingkatkan.

Semua kecacatan yang berlaku perlu dikenal pasti dan diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor sebelum penyerahan projek kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), kata laporan itu.

Bangunan asal Pasar Chowrasta setinggi satu tingkat dibina oleh Pesuruhjaya Perbandaran Georgetown dalam tahun 1890, sebelum dibina semula oleh Dewan Bandaraya Georgetown dengan dinaik taraf kepada tiga tingkat pada tahun 1961.

Pembangunan semula oleh MBPP adalah yang pertama dilakukan sejak tahun 1961 bertujuan menyusun semula peniaga jalanan tidak berlesen, meningkatkan tahap kebersihan, sistem pengudaraan dan pencahayaan yang lebih baik, membaik pulih kerosakan dan mengatasi masalah kekurangan tempat meletak kenderaan.



Isnin, 23 November 2015

17. UDA Dayaurus gagal kemuka 6 dokumen kontrak untuk audit



KUALA LUMPUR: Anak syarikat UDA Holdings Bhd, UDA Dayaurus Sdn Bhd gagal mengemukakan enam dokumen kontrak di antara syarikat dengan pelanggannya bagi tujuan semakan audit, menurut Laporan Ketua Audit Negara.

"Bagi pelanggan yang tidak menyediakan dokumen kontrak, UDA Dayaurus hanya mengemukakan surat setuju terima (SST) daripada pelanggan berkenan."

"Tanpa dokumen kontrak yang formal, pihak UDA Dayaurus tidak mempunyai sumber untuk merujuk kepada terma serta spesifikasi bagi menjalankan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelanggan," kata Ketua Audit Negara dalam Laporan Maklum Balas ke atas Isu-Isu Utama dalam Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan bagi Siri 3 Tahun 2014.

Menurut laporan berkenaan, semakan tidak dapat dibuat untuk mengesahkan terma dan butiran terperinci berhubung tanggungjawab kedua-dua pihak.

"Pihak Audit mengesyorkan agar UDA Dayaurus segera mendapatkan dokumen kontrak berkenaan sebagai rujukan dalam menjalankan perkhidmatan serta menuntut bayaran dari pelanggan," katanya.

Enam daripada 12 dokumen kontrak yang tidak diaudit adalah antara kelemahan yang didapati oleh ketua audit terhadap syarikat tersebut.

Enam pelanggan berkenaan mempunyai tunggakan melebihi 365 hari yang melibatkan sejumlah RM364,259.

"UDA Dayaurus disyorkan memantau bayaran daripada pelanggannya dan mengambil tindakan yang sesuai bagi sebarang kelewatan.

"Ia juga harus meningkatkan kawalan dalaman bagi setiap proses perolehan, pembayaran dan pengurusan aset," menurut laporan berkenaan. - BERNAMA



Isnin, 23 November 2015

18. Pengurusan hartaanah wakaf di Selangor kurang memuaskan – Audit



SHAH ALAM: Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 mendapati pengurusan hartaanah wakaf di negeri Selangor adalah kurang memuaskan dengan 87.6 peratus daripada hartaanah wakaf yang didaftarkan sebagai hak milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak diwartakan.

Laporan itu menyebut pengauditan yang dijalankan antara April hingga Julai 2015 mendapati tanah wakaf di negeri ini tidak dimanfaatkan dengan sebarang aktiviti selain terdapat kes pencerobohan.

Ketua Audit Negara turut mendapati daftar harta tanah wakaf di Selangor tidak lengkap dan tidak kemaskini di samping kelewatan dalam melaksana serta menyelesaikan istibdal.

"Sebanyak 27.5 peratus harta tanah wakaf masih belum didaftarkan hak milik MAIS," kata laporan audit itu.

Sehubungan itu, Ketua Audit Negara mengesyorkan supaya Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal wakaf di Selangor supaya melengkapkan data harta tanah wakaf serta menyelesaikan peletakan hak sebagai hak milik MAIS dan seterusnya mewartakan harta tanah wakaf setiap tahun.

PWS juga disyorkan mengadakan perancangan yang spesifik dan menyeluruh bagi memastikan harta tanah wakaf dibangun serta dimanfaatkan sejajar dengan niat pewakaf selain memantapkan pemantauan terhadap keseluruhan harta tanah wakaf.

Mengikut maklum balas yang diterima daripada PWS, harta tanah wakaf lewat didaftarkan hak milik atas nama MAIS kerana kelulusan permohonan pindah hak milik di Pejabat Daerah Dan Tanah, pelepasan hak sekatan di Pihak Berkuasa Negeri dan pengecualian duti setem di Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil masa untuk diselesaikan.

Sementara itu, laporan audit yang dijalankan ke atas PNSB Development Sdn Bhd (PDSB), anak syarikat milik penuh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan PDSB bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah tidak memuaskan dan perlu dimantapkan. Ia menyebut hasil laporan audit yang dijalankan Mei hingga Julai 2015 mendapati kerugian sebelum cukai PDSB meningkat secara mendadak pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM19.94 juta (621.2 peratus) berbanding tahun 2013 selain mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM10.74 juta pada tahun 2014.

"Mengikut penyata kewangan beraudit PDSB bagi tahun berakhir 2014, syarikat ini mencatatkan liabiliti semasa melebihi aset semasa dengan sejumlah RM62.64 juta dan juruaudit bertauliah telah menyuarakan kewujudan ketidakpastian yang ketara terhadap keupayaan syarikat ini untuk beroperasi secara berterusan," kata laporan itu.

Justeru, PDSB disyorkan menambah baik prestasi pelaksanaan aktiviti pembangunan harta tanah dengan memastikan projek diuruskan dengan lebih cekap serta memberi pulangan dalam tempoh ditetapkan bagi menjamin keupayaan kewangannya.

PDSB juga diseru mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan tadbir urus korporat syarikat bagi memastikan kecemerlangan operasi syarikat selain dapat menambah baik prestasi kewangan dan memberi pulangan yang berterusan kepada PNSB serta Pemerbadanan Menteri Besar (MBI).

Laporan audit bagaimanapun menyebut hasil audit yang dilaksanakan antara Mac hingga Julai 2015 mendapati pelaksanaan perolehan di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah memuaskan daripada segi proses pemilihan dan lantikan kontraktor serta pembekal. - BERNAMA



Iasnin, 23 November 2015

19. PAC cadang panggil 7 kementerian

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) tidak berpuashati dengan pencapaian Kementerian dan Jabatan Persekutuan serta Badan Berkanun dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) siri 3/2014 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, hari ini.

Pengerusinya, Datuk Hasan Arifin berkata, berdasarkan laporan Prestasi Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dalam laporan itu didapati hanya 60 agensi kerajaan mendapat penarafan empat bintang (Sangat Baik) tahun lalu, menurun berbanding 68 agensi kerajaan pada 2013.

Katanya, untuk penarafan tiga bintang (Baik) hanya 70 agensi kerajaan Persekutuan yang mendapat penarafan itu tahun lalu berbanding 72 pada 2013.

"Boleh disimpulkan bilangan dan peratusan Kementerian, Jabatan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat empat bintang menurun daripada 57.3 peratus pada 2013 kepada 53.4 peratus pada 2014," katanya pada sidang akhbar selepas taklimat Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang kepada PAC di sini, hari ini.

Hasan berkata, berdasarkan laporan itu juga, PAC bercadang memanggil tujuh Kementerian untuk prosiding dengan jawatankuasa itu.

Ini termasuk, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membabitkan kes Pengurusan Subsidi Beras ST15 dan S15 peratus; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - kes Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli (JAKAO); dan Kementerian Pendidikan - Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan lain di Sarawak.

Empat lagi ialah Kementerian Kerja Raya /Kementerian Kesihatan - Projek Menaiktaraf Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat; Kementerian Dalam Negeri - Pengurusan Kuarters Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Kementerian Pertahanan - Projek Pembinaan Pusat Pengajian Pertahanan Nasional Putrajaya (PUSPAHANAS).

20. Audit: Semua projek MSN siap - Khairy

KUALA LUMPUR: Kesemua projek pembinaan dan menaik taraf kompleks Majlis Sukan Negara (MSN) yang tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan seperti terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3, telah disiapkan sebelum penerbitan laporan itu.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, berkata walaupun dalam laporan Ketua Audit Negara itu, yang dibentangkan di Parlimen pada Isnin, menyatakan demikian namun, semua langkah penambahbaikan telah dibuat oleh kementeriannya.

"Sekiranya dibacakan sepenuhnya Laporan Ketua Audit Negara, semua teguran bukan hanya diambil maklum tetapi telah pun diambil tindakan oleh KBS dan agensinya.

"Banyak masalah dikenal pasti daripada salah kontraktor atau perunding di mana ada juga yang terpaksa kita tambah kos terhadap skop projek itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sidang kedua penggal ke-30 Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Menurut laporan itu, kontraktor yang bertanggungjawab menguruskan projek pembinaan dan menaik taraf beberapa Kompleks Majlis Sukan Negara (MSN) didapati gagal menyiapkan projek mengikut jadual.

Pengurusan projek pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, projek menaik taraf Kompleks MSN Kuala Rompin dan Pusat Latihan Menembak Atlet di Gimnasium 3 MSN Bukit Jalil kurang memuaskan dan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan.

Semakan Audit mendapati projek pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju hanya siap pada 20 Mei 2013 iaitu lewat selama 323 hari selepas diberi lima permohonan lanjutan masa (EOT) selama 294 hari dan telah dikenakan penalti Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM670,346.

Bagi projek menaik taraf Kompleks MSN Kuala Rompin pula, kontraktor penyelamat telah diluluskan sebanyak dua EOT selama 88 hari dan dikenakan penalti LAD sejumlah RM78,000.

Pusat Latihan Menembak Atlet di Gimnasium 3 pula hanya siap pada 17 Sept, 2013 iaitu 178 hari selepas tarikh tamat EOT kedua dan dikenakan LAD berjumlah RM179,605.

Laporan itu menyatakan bangunan Gimnasium 3 juga belum memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) walaupun telah digunakan untuk latihan sukan mulai 2008.

21. ASEAN digesa selaras semula pasaran eksport

DANAЕ Kyriakopoulou. - Foto amediaagency

KUALA LUMPUR: Negara ASEAN perlu menyelaras semula pasaran eksportnya dan mempelbagaikannya kepada selain daripada bahan mentah bagi pertumbuhan jangka panjang, kata Ahli Ekonomi Kanan Centre of Economic and Business Research (CEBR), Danae Kyriakopoulou.

Kyriakopoulou berkata, ASEAN dari segi sejarah memperkasakan pertumbuhan ekonominya menerusi eksport bahan mentah tetapi kini berdepan cabaran yang memberi risiko kepada prestasi ekonominya.

"Cabarnya termasuklah harga komoditi rendah, kelembapan ekonomi China, perdagangan dunia yang lemah, ketidakpastian tentang kadar faedah AS dan pertumbuhan perlahan pasaran eksport utama," katanya pada taklimat media mengenai Q4 Economic Insight Report 2015, di sini, hari ini.

Taklimat itu dianjurkan oleh Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

Beliau berkata, hubungan rantau ini dengan ekonomi China telah menyebabkan ekonomi-ekonomi lain terdedah kepada aliran keluar mata wang dan modal.

"Ekonomi ASEAN mempunyai pilihan. Mereka boleh bergerak ke arah satu ekonomi berbeza secara keseluruhannya, tidak bergantung kepada China dan mengeksport produk berbeza yang bakal mendapat permintaan dari China.

"China beralih daripada hanya sebagai pengguna komoditi kepada menjadikan ia produk dikilang tetapi masih mencari lebih banyak produk dikilang bermutu tinggi," katanya sambil menambah kelembapan ekonomi China dijangka terus dipantau oleh ahli ekonomi.

Kyriakopoulou berkata, memandangkan perdagangan global masih terus lemah dan dijangka mencatatkan pertumbuhan perlahan, ASEAN, sebagai sebuah ekonomi yang bergantung kepada perdagangan akan berdepan risiko dari segi prestasi pada tahun akan datang, terutamanya dalam membangunkan pertumbuhan perdagangan.

Beliau berkata, penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) adalah pembuka jalan dan tumpuan seharusnya diberikan kepada perdagangan serantau yang boleh mengimbangi risiko yang dihadapi rantau ini daripada kelembapan ekonomi China.

Bagi komoditi, Kyriakopoulou berkata, harga dijangka melantun semula dalam tempoh jangka panjang.

Bagaimanapun, ia lebih rendah berbanding paras sebelum krisis dengan harga minyak mentah dijangkakan berada antara AS\$60 dan AS\$70 setong, pada akhir dekad.

"Memperlbaikan ekonomi daripada bahan mentah penting kerana harga komoditi dijangka terus lemah. Pempelbagaian ini boleh menyediakan peluang besar bagi pembezaan produk dan mengurangkan turun naik perolehan eksport.

"Kini masanya bagi ekonomi-ekonomi ini untuk bergerak ke arah industri pengetahuan, pembuatan dan perkhidmatan berkemahiran tinggi.

"Malaysia adalah yang tertinggi dalam kalangan ekonomi yang sedang membuat peralihan ini. Ia sedang menghala ke arah ekonomi lebih berdasarkan inovasi untuk mencapai sasaran negara berpendapatan tingginya menjelang 2020," katanya.

22. 1MDB: Laporan Akhir Ketua Audit Negara 17 Disember - PAC

Pengerusi Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Arifin keluar selepas Mesyuarat mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Penggal ke-2 di Bangunan Sementara Parlimen. - Foto Yazit Razali

KUALA LUMPUR: Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 17 Disember depan.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin, berkata pihaknya juga sudah menyiapkan laporan awal serta penerangan daripada Ketua Audit Negara berhubung syarikat pelaburan strategik negara itu.

Sehubungan itu, katanya, PAC memutuskan akan mendengar keterangan daripada Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin selepas jawatankuasa itu meneliti Laporan Akhir Ketua Audit Negara itu."

"Keutamaan jawatankuasa ini adalah untuk menjalankan siasatan yang adil dan menyeluruh ke atas 1MDB dan laporan lengkap berhubung siasatan ini disasarkan untuk siap pada Mac 2016," katanya melalui satu kenyataan yang diedarkan di Parlimen, hari ini.

Terdahulu, bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi hadir bagi memberi keterangan kali kedua kepada PAC.

Shahrol tiba kira-kira jam 10 pagi tadi di Parlimen, sebelum sesi memberi keterangan yang turut dihadiri Hasan itu bermula.

Hasan berkata, bekas Presiden dan CEO 1MDB itu memberi kerjasama yang memuaskan dan menjawab segala soalan yang ditujukan kepadanya.

Pada 25 November lalu, PAC memanggil Shahrol pada pendengaran kali pertama untuk memberi keterangan berkaitan pembentukan 1MDB, yang berlaku dalam pada tahun 2009 ketika syarikat itu masih di bawah pengurusannya.

Panggilan kali kedua itu pula adalah bagi mengemukakan beberapa maklumat sebelum PAC meneruskan prosiding siasatan itu dengan mendengar keterangan Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda yang dijadualkan pada esok.